

## PENGENALAN

Fasal (1) Perkara 144 Perlembagaan Persekutuan memperuntukkan antara fungsi/tugas Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Malaysia adalah untuk menaikkan pangkat dan menjalankan kawalan tatatertib ke atas anggota-anggota bagi perkhidmatan Perkhidmatan Awam Am Persekutuan, Perkhidmatan Awam Bersama dan Perkhidmatan Awam Negeri Melaka, Pulau Pinang, Perlis dan Negeri Sembilan. Bahagian Naik Pangkat dan Tatatertib berfungsi untuk melaksanakan segala tugas yang berkaitan dengan fungsi Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Malaysia berhubung kenaikan pangkat dan kawalan tatatertib, meliputi urusan-urusan berikut:

1. Menguruskan Tindakan Tatatertib Dengan Tujuan Buang Kerja Atau Turun Pangkat;
2. Menguruskan Kes-Kes Rayuan Tatatertib;
3. Menguruskan Urusan Kenaikan Pangkat; dan
4. Menguruskan Urusan Rayuan Kenaikan Pangkat.

## KENAIKAN PANGKAT

Suruhanjaya melaksanakan Urusan Kenaikan Pangkat Ahli Lembaga Perkhidmatan Awam bagi jawatan-jawatan berikut:

1. Ketua Setiausaha Negara
2. Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam
3. Ketua Setiausaha Perbendaharaan
4. Ketua Setiausaha Kementerian Luar Negeri
5. Ketua Pengarah Kesihatan
6. Ketua Pengarah Kerja Raya

Sepanjang tahun 2012, Suruhanjaya telah menerima satu (1) permohonan untuk urusan Kenaikan Pangkat Ahli Lembaga Kenaikan Pangkat Perkhidmatan Awam berbanding empat (4) urusan yang dilaksanakan pada tahun 2011 seperti di Jadual 33.

**JADUAL 33**  
**URUSAN KENAIKAN PANGKAT AHLI LEMBAGA KENAIKAN PANGKAT PERKHIDMATAN AWAM BAGI TAHUN 2011- 2012**

| BIL.          | URUSAN   | 2011<br>(BIL.<br>PEGAWAI) | 2012<br>(BIL.<br>PEGAWAI) |
|---------------|--|---------------------------|---------------------------|
| 1.            | Ketua Setiausaha Negara  | -                         | 1                         |
| 2.            | Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam, Gred Utama Turus I                         | 1                         | -                         |
| 3.            | Ketua Pengarah Kesihatan Kementerian Kesihatan Malaysia, Gred Utama Turus II | 1                         | -                         |
| 4.            | Ketua Setiausaha Kementerian Luar Negeri, Gred Utama Turus III (KUP)         | 1                         | -                         |
| 5.            | Ketua Pengarah Kerja Raya Kementerian Kerja Raya, Gred Utama Turus III       | 1                         | -                         |
| <b>JUMLAH</b> |  | <b>4</b>                  | <b>1</b>                  |



## RAYUAN KENAIKAN PANGKAT


Suruhanjaya berfungsi sebagai Lembaga Rayuan Kenaikan Pangkat bagi menimbang rayuan yang melibatkan pegawai Kumpulan Pengurusan dan Profesional dan Kumpulan Sokongan I (Gred 17 hingga 40) dalam Perkhidmatan Awam Am Persekutuan serta Perkhidmatan Awam Negeri Melaka, Pulau Pinang, Negeri Sembilan dan Perlis mulai 1 April 2010 sebagaimana diperuntukkan dalam Peraturan-Peraturan Lembaga Kenaikan Pangkat Perkhidmatan Awam 2010.

Sepanjang tahun 2012, Suruhanjaya selaku Lembaga Rayuan Kenaikan Pangkat Perkhidmatan Awam yang berkenaan telah menimbang 98 kes dalam lima (5) jenis urusan iaitu urusan merayu kerana gagal dinaikkan pangkat (28 kes), merayu membelakangkan tarikh kenaikan pangkat (2 kes), merayu kerana gagal dalam urusan pemangkuan (62 kes), merayu untuk meminda tarikh pemangkuan (1 kes) dan merayu daripada ditamatkan pemangkuan (5 kes).

Daripada jumlah kes tersebut, rayuan 32 orang pegawai yang merayu kerana gagal dinaikkan pangkat, rayuan dua (2) orang pegawai yang merayu membelakangkan tarikh kenaikan pangkat, rayuan 86 orang pegawai yang merayu kerana gagal dalam urusan pemangkuan, rayuan seorang (1) pegawai yang merayu untuk meminda tarikh pemangkuan dan rayuan lima (5) orang pegawai yang merayu daripada ditamatkan pemangkuan telah ditolak. Hanya rayuan daripada tiga orang (3) pegawai yang merayu kerana gagal dinaikkan pangkat dan tiga (3) orang pegawai yang merayu kerana gagal dalam urusan pemangkuan telah diterima.

Berbanding pada tahun 2011, Suruhanjaya selaku Lembaga Rayuan Kenaikan Pangkat Perkhidmatan Awam yang berkenaan telah menimbang 45 kes dalam lima (5) jenis urusan iaitu urusan merayu kerana gagal dinaikkan pangkat (12 kes), merayu membelakangkan tarikh kenaikan pangkat (14 kes), merayu kerana gagal dalam urusan pemangkuan (16 kes), merayu untuk meminda tarikh pemangkuan (1 kes) dan merayu daripada ditamatkan pemangkuan (2 kes).

Daripada jumlah kes tersebut, rayuan 16 orang pegawai yang merayu kerana gagal dinaikkan pangkat, rayuan 45 orang pegawai yang merayu membelakangkan tarikh kenaikan pangkat, rayuan 51 orang merayu kerana gagal dalam urusan pemangkuan, rayuan dua (2) orang pegawai yang merayu untuk meminda tarikh pemangkuan dan rayuan dua (2) orang pegawai yang merayu daripada ditamatkan pemangkuan telah ditolak. Hanya rayuan daripada seorang (1) pegawai yang merayu membelakangkan tarikh kenaikan pangkat telah diterima. Maklumat lanjut seperti di Jadual 34.



**JADUAL 34**  
**URUSAN RAYUAN KENAIKAN PANGKAT/PEMANGKUAN BAGI TAHUN 2011 – 2012**

| TAHUN 2011          |   |           |              |          |            |          | TAHUN 2012 |              |           |            |          |
|---------------------|---|-----------|--------------|----------|------------|----------|------------|--------------|-----------|------------|----------|
| BIL.                | URUSAN  | BIL.KES   | BIL. PEGAWAI | TERIMA   | KEPUTUSAN  |          | BIL. KES   | BIL. PEGAWAI | KEPUTUSAN |            |          |
|                     |   |           |              |          | TOLAK      | REMIT    |            |              | TERIMA    | TOLAK      | REMIT    |
| 1.                  | Rayuan kerana gagal dinaikkan pangkat         | 12        | 16           | -        | 16         | -        | 28         | 35           | 3         | 32         | -        |
| 2.                  | Rayuan membelakangkan tarikh kenaikan pangkat | 14        | 46           | 1        | 45         | -        | 2          | 2            | -         | 2          | -        |
| 3.                  | Rayuan kerana gagal dalam urusan pemangkuhan  | 16        | 51           | -        | 51         | -        | 62         | 89           | 3         | 86         | -        |
| 4.                  | Rayuan untuk meminda tarikh pemangkuhan       | 1         | 2            | -        | 2          | -        | 1          | 1            | -         | 1          | -        |
| 5.                  | Rayuan daripada ditamatkan pemangkuhan        | 2         | 2            | -        | 2          | -        | 5          | 5            | -         | 5          | -        |
| <b>JUMLAH BESAR</b> |   | <b>45</b> | <b>117</b>   | <b>1</b> | <b>116</b> | <b>-</b> | <b>98</b>  | <b>132</b>   | <b>6</b>  | <b>126</b> | <b>-</b> |

### KAWALAN TATATERTIB

Berdasarkan peruntukan undang-undang, khususnya Peraturan-Peraturan Lembaga Tatatertib Perkhidmatan Awam 1993 [P.U.(A) 396/1993], sebahagian kuasa kawalan tatatertib dijalankan oleh Lembaga Tatatertib di peringkat kementerian, jabatan dan pentadbiran negeri yang berkenaan. Suruhanjaya hanya berfungsi sebagai Pihak Berkuasa Tatatertib bagi kes seperti berikut:

- tindakan tatatertib dengan tujuan buang kerja atau turun pangkat yang melibatkan pegawai Kumpulan Tertinggi dan Kumpulan Pengurusan dan Profesional di dalam Perkhidmatan Awam Am Persekutuan; dan
- tindakan tatatertib dengan tujuan buang kerja atau turun pangkat yang melibatkan pegawai dalam Kumpulan Pengurusan Tertinggi, Kumpulan Pengurusan dan Profesional dalam Perkhidmatan Awam bagi Negeri Melaka, Pulau Pinang, Negeri Sembilan dan Perlis.

Sepanjang tahun 2012, Suruhanjaya telah memutuskan 79 kes tindakan tatatertib berbanding dengan 44 kes pada tahun 2011. Maklumat lanjut adalah seperti di Jadual 35.

**JADUAL 35  
TINDAKAN TATATERTIB BAGI TAHUN 2011- 2012**

| BIL.          | JENIS KESALAHAN      | 2011      | 2012      |
|---------------|----------------------|-----------|-----------|
| 1.            | Tidak hadir bertugas | 28        | 60        |
| 2.            | Sabitkan Mahkamah    | 4         | 11        |
| 3.            | Tatakelakuan         | 12        | 8         |
| <b>JUMLAH</b> |                      | <b>44</b> | <b>79</b> |

• **Tahan Kerja**

Perintah tahan kerja dikenakan ke atas pegawai apabila telah dimulakan prosiding-prosiding berikut:

- Prosiding jenayah
- Prosiding tindakan tatatertib dengan tujuan buang kerja atau turun pangkat

Pada tahun 2012, Suruhanjaya telah menahan kerja 15 orang pegawai yang sedang menghadapi prosiding jenayah di mahkamah berbanding lapan (8) orang pegawai pada tahun 2011. Maklumat lanjut adalah seperti di Jadual 36.

**JADUAL 36  
KES TAHAN KERJA / PENAMATAN TAHAN KERJA BAGI TAHUN 2011-2012**

| BIL.          | JENIS KESALAHAN  | 2011     | 2012      |
|---------------|--|----------|-----------|
| 1.            | Akta Pencegahan Rasuah 1997/Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 | 7        | 12        |
| 2.            | Kesalahan Jenayah di bawah Kanun Keseksaan                                   | -        | 3         |
| 3.            | Kesalahan Jenayah oleh Mahkamah Syariah                                      | 1        | -         |
| <b>JUMLAH</b> |  | <b>8</b> | <b>15</b> |

- **Gantung Kerja**

Perintah gantung kerja dikenakan ke atas pegawai dalam keadaan seperti berikut:

- pegawai telah disabitkan oleh mana-mana mahkamah; atau
- suatu perintah tahanan, pengawasan, kediaman terhad, buang negeri dan sebagainya seperti dinyatakan di bawah Peraturan 32 Peraturan-Peraturan Pegawai Awam (Kelakuan dan Tatatertib) 1993 telah dibuat terhadap pegawai.

Sepanjang tahun 2012, Suruhanjaya telah menggantung kerja enam (6) orang pegawai yang telah disabitkan kesalahan oleh mahkamah iaitu dua (2) orang pegawai atas kesalahan rasuah, seorang pegawai atas kesalahan jenayah di bawah kanun keseksaan dan tiga (3) orang pegawai atas kesalahan jenayah oleh Mahkamah Syariah. Manakala pada tahun 2011, Suruhanjaya juga telah menggantung kerja empat (4) orang pegawai yang telah disabitkan kesalahan oleh mahkamah iaitu dua (2) orang pegawai atas kesalahan rasuah dan dua (2) orang pegawai atas kesalahan jenayah oleh Mahkamah Syariah. Maklumat lanjut seperti di Jadual 37.

**JADUAL 37**  
**KES GANTUNG KERJA / PENAMATAN GANTUNG KERJA**  
**BAGI TAHUN 2011 – 2012**

| BIL.          | JENIS KESALAHAN   | 2011     | 2012     |
|---------------|---|----------|----------|
| 1.            | Akta Pencegahan Rasuah 1997/Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah 2009 | 2        | 2        |
| 2.            | Kesalahan Jenayah di bawah Kanun Keseksaan                          | -        | 1        |
| 3.            | Kesalahan Jenayah oleh Mahkamah Syariah                             | 2        | 3        |
| <b>JUMLAH</b> |   | <b>4</b> | <b>6</b> |

### LEMBAGA RAYUAN TATATERTIB

Selaras dengan Peraturan 12 Peraturan-Peraturan Lembaga Tatatertib Perkhidmatan Awam 1993, Lembaga Rayuan Tatatertib Perkhidmatan Awam yang terdiri daripada anggota-anggota Suruhanjaya Perkhidmatan Awam ditubuhkan dan Lembaga tersebut berfungsi bagi mengendalikan kes-kes seperti berikut:

- rayuan daripada semua kumpulan pegawai dalam Perkhidmatan Awam Am Persekutuan serta Perkhidmatan Awam Negeri Sembilan dan Perlis, yang dikenakan hukuman tatatertib oleh Lembaga Tatatertib di peringkat kementerian, jabatan atau pentadbiran negeri yang berkenaan; dan
- rayuan daripada pegawai Kumpulan Pengurusan dan Profesional dalam Perkhidmatan Awam Negeri Melaka dan Pulau Pinang yang telah dikenakan hukuman selain buang kerja atau turun pangkat serta rayuan daripada pegawai Kumpulan Sokongan II dalam perkhidmatan awam tersebut, yang telah dikenakan hukuman buang kerja atau turun pangkat oleh Lembaga Tatatertib di pentadbiran negeri berkenaan.

Sepanjang tahun 2012, Suruhanjaya telah memutuskan 403 kes rayuan tatatertib berbanding 391 kes pada tahun 2011. Maklumat lanjut adalah seperti di Jadual 38.

Sepanjang tahun 2012, Suruhanjaya telah memutuskan 403 kes rayuan tatatertib berbanding 391 kes pada tahun 2011. Maklumat lanjut adalah seperti di **Jadual 38**.

**JADUAL 38**  
**KEPUTUSAN RAYUAN TATATERTIB BAGI TAHUN 2011-2012**


| BIL           | PERKARA             | TAHUN      |            |
|---------------|---------------------|------------|------------|
|               |                     | 2011       | 2012       |
| 1.            | Rayuan Ditolak      | 349        | 377        |
| 2.            | Remit               | 11         | 2          |
| 3.            | Diringankan Hukuman | 18         | 10         |
| 4.            | Pegawai Dibebaskan  | 13         | 14         |
| <b>JUMLAH</b> |                     | <b>391</b> | <b>403</b> |





**AKTIVITI-AKTIVITI  
SURUHANJAYA**

Pusat Temu Duga SPA Johor Bahru, Johor



## Mesyuarat Suruhanjaya

Pada tahun 2012, Suruhanjaya telah mengadakan 43 kali Mesyuarat Suruhanjaya. Sebanyak 2,048 Kertas Suruhanjaya telah dipertimbangkan dan ini bermakna secara purata sebanyak 48 Kertas Suruhanjaya telah dibentangkan dalam setiap mesyuarat.

Mesyuarat Khas Suruhanjaya pula telah diadakan sebanyak satu (1) kali dengan sembilan (9) kertas pertimbangan. Mesyuarat Khas Suruhanjaya ini bertujuan membincangkan perkara dasar dan cadangan penambahbaikan urusan Suruhanjaya seperti pengambilan, perkhidmatan dan kawalan tatatertib. Mesyuarat ini telah diadakan di Pulau Desaru Resort, Johor pada 24 April 2012.

## Mesyuarat Lembaga Rayuan

Suruhanjaya sebagai Lembaga Rayuan Tatatertib Perkhidmatan Awam telah mengadakan 43 kali mesyuarat dan telah berjaya menimbangkan 559 kertas perakuan. Sebagai Lembaga Rayuan Kenaikan Pangkat Perkhidmatan Awam pula, 38 kali mesyuarat telah diadakan dan telah menimbangkan 103 kertas perakuan.




Mesyuarat Khas Suruhanjaya pada 24 April 2012 di Pulau Desaru Resort, Johor

## Persidangan Suruhanjaya-Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Malaysia

Persidangan Suruhanjaya-Suruhanjaya Perkhidmatan Malaysia merupakan persidangan tahunan yang bertujuan untuk membolehkan peserta persidangan berkumpul dan berkongsi maklumat dalam melaksanakan fungsi masing-masing meliputi isu-isu berkaitan dengan urusan pengambilan, perkhidmatan dan kawalan tatatertib dalam perkhidmatan awam untuk meningkatkan kecemerlangan perkhidmatan.

Persidangan pada kali ini adalah kali ke-15 dan merupakan anjuran bersama Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Malaysia, Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Negeri Perak dan Suruhanjaya Perkhidmatan Pelajaran (SPP). Persidangan ini telah diadakan di pada 1 – 4 Oktober 2012 di Hotel Impiana, Ipoh, Perak bertemakan **“Perkhidmatan Awam Yang Mendahulukan Rakyat”**. Majlis perasmian telah disempurnakan oleh YB Datuk Hamidah Osman, Pengerusi Jawatankuasa Pelaburan, Industri Pembangunan Usahawan, Pelancongan dan Hal Ehwal Wanita Negeri Perak yang mewakili YAB Datuk Seri Dr Zambry bin Abdul Kadir, Menteri Besar Perak. Seramai 143 orang peserta telah menghadiri



persidangan ini yang terdiri daripada Pengerusi, Timbalan Pengerusi dan Ahli Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Malaysia, Suruhanjaya Perkhidmatan Pelajaran, Suruhanjaya Perkhidmatan Negeri-Negeri, Suruhanjaya Pasukan Polis serta SUK Negeri Melaka, SUK Negeri Perlis, SUK Negeri Pulau Pinang dan SUK Negeri Sembilan.

Objektif persidangan adalah seperti berikut:

- Memberi peluang kepada peserta berkongsi pengalaman dan bertukar pandangan mengenai isu berkaitan dengan urusan pengambilan, perkhidmatan dan pengurusan sumber manusia dalam perkhidmatan awam; dan
- Membolehkan peserta menimba ilmu dari amalan terbaik urusan pengambilan dan pengurusan sumber manusia dan melaksanakannya ke arah perkhidmatan awam yang dinamik yang cemerlang.

Sebanyak lapan (8) kertas kerja telah dibentangkan dalam lima (5) sesi di persidangan tersebut seperti berikut:

- **Sesi 1: “Perkhidmatan Awam Yang Mendahulukan Rakyat – Pendekatan Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Malaysia”**

Sesi ini telah dipengerusikan dan disampaikan sendiri oleh YBhg. Tan Sri Mahmood bin Adam, Pengerusi Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Malaysia. Beliau telah menyampaikan kertas kerja yang bertajuk “Perkhidmatan Awam Yang Mendahulukan Rakyat- Pendekatan Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Malaysia”.

- **Sesi 2: “Usaha Peningkatan Kualiti Guru-Pegawai Perkhidmatan Pendidikan Mengajar Mengikut Opsyen Bagi Urusan Pengesahan Dalam Perkhidmatan”**

Sesi ini telah dipengerusikan dan disampaikan sendiri oleh YBrs. Encik Sulaiman bin Wak, Setiausaha Suruhanjaya Perkhidmatan Pelajaran. Beliau telah menyampaikan kertas kerja yang bertajuk “**Usaha Peningkatan Kualiti Guru-Pegawai Perkhidmatan Pendidikan Mengajar Mengikut Opsyen Bagi Urusan Pengesahan Dalam Perkhidmatan**”.

Sesi ini telah dipengerusikan dan disampaikan sendiri oleh YBrs. Encik Sulaiman bin Wak, Setiausaha Suruhanjaya Perkhidmatan Pelajaran. Beliau telah menyampaikan kertas kerja yang bertajuk “**Usaha Peningkatan Kualiti Guru-Pegawai Perkhidmatan Pendidikan Mengajar Mengikut Opsyen Bagi Urusan Pengesahan Dalam Perkhidmatan**”.

- **Sesi 3: “Penyertaan Bukan Melayu Dalam Perkhidmatan Awam”**

Sesi ini dipengerusikan oleh YBhg. Dato' Haji Kamarudzaman bin Mahmud, Pengerusi Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Negeri Perak dan empat (4) kertas kerja telah dibentangkan oleh:

- (i) YBrs. Encik Zainal Abidin bin Ahmad  
Timbalan Setiausaha (Pengambilan)  
Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Malaysia
- (ii) YBhg. Tan Sri Dr Zulkurnain bin Hj Awang  
Pengerusi  
Suruhanjaya Perkhidmatan Pelajaran Malaysia
- (iii) YBrs. SAC Hasanuddin bin Hassan  
Ketua Penolong Pengarah Pengurusan (Perjawatan)  
Polis Diraja Malaysia
- (iv) YBhg. Bridgedier Jeneral Dato' Pahlawan Md Sani bin Hj Ahmad  
Pengarah Tenaga Kerja  
Angkatan Tentera Malaysia

- Sesi 4: "Pusat Kerja Amanjaya: Fungsi Dan Peranan Dalam Membina Peluang Kerjaya"

Oleh : YBrs. Encik Azamin Iskandar bin Yeop Rashidi  
Ketua Pegawai Eksekutif  
Pusat Kerjaya Amanjaya.

- Sesi 5: "Right Of Oral Hearing In Disciplinary Cases"

Oleh : YBhg. Datin Hj Azidah bt Hj Nawawi  
Ketua Bahagian Guaman  
Jabatan Peguam Negara



Ketibaan YB Datuk Hamidah Osman disambut oleh YBhg. Tan Sri Mahmood bin Adam



Sesi bergambar bersama YB Datuk Hamidah Osman di Hotel Impiana, Ipoh, Perak



Majlis Perasmian Persidangan Suruhanjaya-Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Malaysia ke-15 di Hotel Impiana, Ipoh, Perak



YBhg. Tan Sri Mahmood bin Adam menyampaikan cenderamata kepada YB Datuk Hamidah Osman





Ketibaan YBhg. Dato' Sri Dr. Ali bin Hamsa, Ketua Setiausaha Negara disambut oleh YBhg. Tan Sri Mahmood bin Adam untuk Majlis Penutupan Persidangan Suruhanjaya-Suruhanjaya Perkhidmatan Awam ke-15



YBhg. Tan Sri Mahmood bin Adam menyampaikan ucapan alu-aluan dalam majlis penutupan



▶ YBhg. Dato' Sri Dr. Ali bin Hamsa, Ketua Setiausaha Negara semasa berucap menutup Persidangan Suruhanjaya-Suruhanjaya Perkhidmatan Awam ke-15



▶ YBhg. Dato' Sri Dr Ali bin Hamsa bersama YBhg. Tan Sri Mahmood bin Adam semasa sesi interaksi bersama peserta persidangan



YBhg. Tan Sri Mahmood bin Adam menyampaikan cenderamata kepada YBhg. Dato' Sri Dr. Ali bin Hamsa

### Perasmian Pusat Temu duga SPA

Sepanjang tahun 2012, SPA telah berjaya membuka empat (4) pusat temu duga iaitu di Melaka, Sibul, Sandakan dan Miri. Pembukaan pusat temu duga ini adalah bagi memudahkan calon-calon yang berada di sekitar pusat temu duga tersebut untuk menghadiri temu duga. Selain itu, pusat temu duga ini juga akan berfungsi sebagai One Stop Centre bagi tujuan ujian fizikal, pusat taklimat kerjaya selain menyediakan kemudahan untuk calon-calon membuat permohonan secara online dengan SPA. Pusat Temu Duga SPA Sibul, Sarawak telah dirasmikan pada 15 Mac 2012 oleh YBhg. Dato' Lamien bin Sawiyo, Setiausaha SPA diikuti perasmian Pusat Temu Duga SPA Melaka yang telah dirasmikan pada 19 Mac 2012 oleh YBhg. Dato' Abd Rahman bin Husin, Ahli Suruhanjaya yang menjalankan fungsi Pengerusi SPA. Pada 3 Julai 2012 pula, Pusat Temu Duga SPA Sandakan, Sabah telah dirasmikan oleh YBhg. Tan Sri Mahmood bin Adam, Pengerusi SPA. Pusat Temu Duga SPA Miri, Sarawak pula telah dirasmikan pada 4 September 2012 oleh YBhg. Tan Sri Mahmood bin Adam, Pengerusi SPA.





YBhg. Dato' Lamien bin Sawiyo, Setiausaha SPA ketika merasmikan Pusat Temu duga SPA Sibu, Sarawak pada 15 Mac 2013

### **Pelantikan Pengerusi Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Malaysia ke-11**

YBhg. Tan Sri Mahmood bin Adam telah dilantik sebagai Pengerusi Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Malaysia ke-11 pada 31 Mei 2012. Beliau menggantikan YBhg. Tan Sri Jamaludin bin Hj Ahmad Damanhuri yang telah tamat tempoh perkhidmatan pada 2 November 2011. Sebelum menjawat jawatan sebagai Pengerusi SPA, YBhg. Tan Sri Mahmood bin Adam merupakan Ketua Setiausaha Kementerian Dalam Negeri.



YBhg. Tan Sri Mahmood bin Adam bergambar bersama YA Dato' Bentara Luar Dato' Hj Hashim bin Dato' Hj Yusof, Hakim Mahkamah Persekutuan dan YBhg. Datuk Ramli bin Juhari, Timbalan Setiausaha SPA selepas majlis angkat sumpah sebagai Pengerusi SPA





YBhg. Tan Sri Mahmood bin Adam, Pengerusi ke-11 SPA Malaysia pada hari pertama beliau bertugas di SPA

#### **Pelantikan Timbalan Pengerusi Suruhanjaya Perkhidmatan Awam**

YBhg. Dato' R. Segarajah telah dilantik sebagai Timbalan Pengerusi SPA yang baharu mulai 4 Jun 2012. Beliau telah menggantikan tempat YBhg. Datuk Ahmad bin Said yang telah tamat tempoh perkhidmatan pada 9 Mac 2011. Sebelum dilantik sebagai Timbalan Pengerusi SPA, jawatan terakhir beliau adalah sebagai Ketua Setiausaha Kementerian Sumber Manusia.



YBhg. Dato' R. Segarajah bergambar bersama YA Tan Sri Suriyadi bin Halim Omar, Hakim Mahkamah Persekutuan selepas majlis angkat sumpah pada 4 Jun 2012.



## Pelantikan Setiausaha Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Malaysia ke-17

YBhg. Datuk Ramli bin Juhari telah dilantik sebagai Setiausaha SPA ke 17 berkuat kuasa mulai 11 September 2012. Beliau menggantikan YBhg. Dato' Lamien bin Sawiyo yang bertukar sebagai Pentadbir, Parlimen Malaysia. Sebelum menjawat jawatan Setiausaha, beliau merupakan Timbalan Setiausaha (Pengambilan) SPA.




Majlis Serah Tugas Setiausaha SPA oleh YBhg. Dato' Lamien bin Sawiyo kepada YBhg. Datuk Ramli bin Juhari sambil disaksikan oleh YBhg. Dato' R. Segarajah, Timbalan Pengerusi SPA

## PENSIJILAN SISTEM PENGURUSAN KUALITI (SPK) MS ISO 9001:2008 DI SURUHANJAYAPERKHIDMATAN AWAM MALAYSIA

Pelaksanaan Standard MS ISO 9001:2008 di Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Malaysia (SPA) adalah bagi mematuhi Surat Pekeliling Kemajuan Pentadbiran Awam Bilangan 2 Tahun 2002 yang dikeluarkan oleh MAMPU mengenai Garis Panduan Bagi Melaksanakan MS ISO 9001:2000 Dalam Perkhidmatan Awam. Pengenalan Standard ISO yang baru iaitu MS ISO 9001:2008 adalah untuk mewujudkan dan melaksana sistem kualiti yang cekap dan berkesan untuk kepuasan hati pelanggan. Sebelum ini SPA telah mendapat pensijilan MS ISO 9002:1994 pada 15 Jun 1998 di bawah skop Pelaksanaan Urusan Pelantikan Anggota Perkhidmatan Awam di Bawah Bidang Kuasa Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Malaysia (SPA) dan pemilihan Pelatih Separa Perubatan oleh Urus Setia SPA.

### Pensijilan MS ISO 9001:2008 di SPA

Berdasarkan kejayaan dan kelancaran Audit Pematuhan yang telah dijalankan pada 9-12 November 2009 di Ibu Pejabat SPA Putrajaya, Pejabat Urus Setia SPA Cawangan Sabah dan Pejabat Urus Setia SPA Cawangan Sarawak, SPA telah menerima pensijilan yang berstatus Standard Malaysia dan UKAS (United Kingdom Accreditation Services) dari United Kingdom oleh Syarikat Moody International Certification (Malaysia) Sdn. Bhd. pada 22 November 2009. Bagi tahun 2012, SPA telah berjaya mengekalkan sijil MS ISO 9001:2008.



Bagi mencapai kejayaan dalam urusan yang dilaksanakan di SPA, semua urusan yang dijalankan di bawah tanggungjawab SPA perlu diurus dan didokumentasikan secara sistematik. Kejayaan boleh dicapai melalui pelaksanaan Sistem Pengurusan Kualiti yang memberi tumpuan kepada peningkatan secara berterusan melalui kecekapan dan keberkesanan prestasi yang ditetapkan melalui pencapaian objektif kualiti dengan mengambil kira kepuasan hati pelanggan. Sehubungan itu, keperluan dokumentasi merupakan aspek yang penting bagi menilai sistem dan proses kerja yang dijalankan sebagai bukti bagi memenuhi objektif kualiti yang ditetapkan. Dokumen Sistem Pengurusan Kualiti yang dimaksudkan perlu mengandungi:

- (i) Pernyataan Dasar Kualiti dan Objektif Kualiti SPA;
- (ii) Manual Kualiti;
- (iii) Prosedur-prosedur yang perlu didokumenkan mengikut urusan di SPA berdasarkan standard antarabangsa ini;
- (iv) Dokumen-dokumen yang diperlukan oleh SPA bagi memastikan perancangan, operasi dan kawalan ke atas proses dijalankan dengan berkesan; dan
- (v) Rekod-rekod yang diperlukan oleh standard antarabangsa.

### **Prinsip-Prinsip MS ISO 9001:2008**

Pengurusan Sistem Kualiti adalah berlandaskan kepada lapan (8) prinsip Standard ISO 9001, di mana ia diuruskan dengan menggunakan kaedah perancangan strategik yang dipandu arah dan dilaksanakan oleh pengurusan atasan dalam sesebuah organisasi seperti SPA. Prinsip-prinsip yang dimaksudkan adalah seperti yang berikut:

- |             |   |
|-------------|---|
| Prinsip 1 - | Tumpuan Kepada Pelanggan                      |
| Prinsip 2 - | Kepimpinan                                    |
| Prinsip 3 - | Penglibatan Anggota Organisasi                |
| Prinsip 4 - | Pendekatan Proses                             |
| Prinsip 5 - | Pengurusan yang Mengamalkan Pendekatan Sistem |
| Prinsip 6 - | Penambahbaikan secara Berterusan              |
| Prinsip 7 - | Pendekatan membuat Keputusan Berasaskan Fakta |
| Prinsip 8 - | Hubungan dengan Pembekal untuk Faedah Bersama |

### **Kepentingan ISO**

- Mencapai kualiti perkhidmatan yang konsisten berdasarkan keperluan antarabangsa
- Mempraktikan pengamalan budaya kerja yang teratur dan sistematik
- Menjamin penambahbaikan serta kepuasan kepada pelanggan
- Diiktiraf di peringkat antarabangsa sebagai sebuah organisasi yang diurus dengan baik

### **Badan Pensijilan**

SPA telah melantik Syarikat Moody International Certification (Malaysia) Sdn. Bhd. bagi tujuan pensijilan Sistem Pengurusan Kualiti MS ISO 9001:2008.

